

11/05/1998

Agenda pendidikan atasi kegawatan

Abu Hassan Adam

RAMAI ilmuwan seolah-olah sepakat mengatakan bahawa kurun ke-21 adalah masa hadapan yang amat sukar diramalkan sehingga kita tidak boleh menjadikan sejarah lampau sebagai asas untuk kita menempa masa hadapan. Kegawatan ekonomi kini adalah contoh paling baik untuk dianalisis. Apa salah dan apa yang tidak kenanya kepada ekonomi kita. Kita sentiasa mengatakan asas ekonomi kita kuat dan kukuh dan lantas tidak ada sebab keadaan menjadi gawat. Itu adalah andaian biasa dan sudah tidak boleh dipakai lagi kini kerana seperti yang kita lihat keadaan di Asia, seolah-oleh semacam tidak dapat dikawal.

Ini memerlukan kita berhenti dan merenung sejenak. Kepemimpinan negara sudah berbuat sesuatu yang sepatutnya untuk mengatasi keadaan itu, tetapi mengapa ia mengambil masa pemulihan yang begitu lama.

Misalnya:

* Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengatakan bahawa punca berlakunya peristiwa ini adalah ekoran daripada pembabitan tokoh-tokoh kewangan tertentu yang memutarbelitkan pasaran kewangan dengan tujuan mengambil keuntungan berlebihan dan berkemungkinan juga untuk menghancurkan ekonomi negara tertentu.

* Setiap kali pemimpin negara kita menyatakan pandangan dan mengesyorkan sesuatu untuk kebaikan ekonomi negara, maka nilai wang dan pasaran saham akan jatuh menjunam. Sehingga kini, keadaan terus menjadi sedemikian. Seolah-olah ada tangan ajaib yang memutarakan punat untuk menentukan keadaan ekonomi itu.

* Kita akan mengatakan tidak ada sebab ekonomi negara kita jatuh menjunam sedemikian rupa berasaskan kepada traditional assumption. Keadaan politik negara amat stabil dengan keharmonian yang tidak ada tolak bandingnya seiring dengan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat. Pendek kata negara mempunyai asas yang cukup kukuh. Soalnya mengapa timbul kegawatan itu.

* Bermacam-macam usaha dilakukan oleh pemimpin kita khususnya Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Terlalu banyak tindakan yang dilakukan semata-mata untuk memulihkan keadaan ekonomi negara. Cuma yang sentiasa dielakkan ialah meminta bantuan daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Sememangnya, walau bertongkat paruh sekalipun kita tidak akan berada di bawah kawalan IMF berasaskan alasan yang amat munasabah.

Persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah, apakah tindakan yang dilakukan oleh pucuk pimpinan negara kita itu tidak betul maka keadaan ekonomi kita sehingga hari ini terus gawat?

Bagi sesiapa yang kerjanya mencari kesalahan maka itulah yang sentiasa disogokkan kepada rakyat. Sebenarnya apa yang dilakukan oleh pemimpin kita itu berdasarkan kepada nasihat ahli ekonomi dan pemikir dunia dan segala ramuan yang digunakan untuk dijadikan ubat untuk mengubati kegawatan itu adalah ramuan yang pernah digunakan untuk mengubati penyakit sedemikian. Tetapi malangnya ramuan sedemikian tidak dapat mengubati penyakit itu. Mengapa?

Sekali lagi kita harus fikirkan fenomena yang menjelma di ambang kurun ke-21. Pemikir dunia memberikan pelbagai tafsiran mengenai dunia yang akan kita tempuhi ini. Charles Handy, dalam *Finding Sense In Uncertainty* memberikan pendapatnya dengan mengatakan "The way you make sense of the future, in organizations and in societies and in your life, is by taking

charge of the future. Not by responding to it..." The future world of constant discontinuity, the problems are not there yet. We have to invent the world.

Dengan demikian, maka apa yang dilakukan oleh Dr Mahathir untuk menubuhkan Koridor Raya Multimedia (MSC) amat kena pada tempatnya. Kita terpaksa meneroka dunia dan bukan mengikuti arus dan lorong yang telah diterokai oleh orang lain. Anjung multimedia yang sedang kita rintih itu adalah satu perkara yang baru dan ramai pemimpin dunia yang tidak pernah terfikir dan terlintas di fikiran mereka idea sedemikian.

George Bernard Shaw pernah menulis: "The reasonable man responds to the world, while the unreasonable man tries to make the world respond to him. Therefore all progress comes from the unreasonable person, the person who actually tries to change the world. What that means is that we can't wait for people to offer us secure jobs and long careers. We have to decide what kind of life we want to lead and go out and make it happen."

Sehubungan dengan penubuhan MSC ini mungkin kita juga merasakan bahawa kita juga agak terlewat berbanding Amerika Syarikat. Dan kejayaan Amerika untuk terus bangun dan menguasai dunia semula bukan disebabkan oleh kejatuhan Russia dan tumbangannya komunisme, atau kebijaksanaan Bill Clinton semata-mata, tetapi berpunca daripada kejayaan anak watanannya seperti Bill Gates meneroka perkara baru. Lantas mereka terus hidup semula dan berkembang dengan pesatnya.

Pendek kata, kejayaan Amerika Syarikat itu disebabkan oleh kenekadan mereka meneroka alam kurun ke-21 sebelum diterokai oleh orang lain. Seolah-olah mereka sudah berada lebih awal di kurun ke-21 berbanding bangsa-bangsa lain di dunia. Dunia kurun ke-21 yang dikatakan berasaskan kepada knowledge base itu sebenarnya sudah diterokai oleh Amerika Syarikat. Dengan sendirinya mereka meninggalkan Jepun dan Jerman yang masih `terkapai-kapai' dengan `advanced industrial base-nya'." Usaha pemimpin negara kita semacam selaras dan mirip dengan usaha yang dilakukan oleh Amerika Syarikat itu. Dr Mahathir mahu melakukan sedemikian. Kita juga mahu meletakkan bangsa kita di hadapan daripada bangsa lain. Kita juga mahu melangkah ke zaman `information age' itu lebih awal dari orang lain, sebab kita tahu bahawa zaman itu akan pasti tiba. Ini keyakinan kita dan keyakinan dunia juga.

Tetapi malangnya sedang kita rancak melangkah ke arah itu, langkah kita menjadi lemah longlai. Ibarat tumbuhan yang sedang subur telah patah pucuk atau telah dipatahkan. Cuma yang tinggal ialah kita mempunyai semangat yang kental. Dan diharapkan semangat ini akan terus membara.

Langkah pemulihan perlu dilaksanakan. Langkah jangka pendek dan jangka panjang harus disegerakan. Keadaan kegawatan kini banyak mengajar kita. Kegawatan ini juga mengajar kita bahawa ubat tradisional yang biasanya amat mujarab sudah tidak boleh dipakai lagi. Kita perlu menggunakan ubatan yang lain yang sesuai dengan penyakit ambang kurun ke-21.

Oleh itu, pendidikan harus memainkan peranan yang cukup penting dalam menentukan arus tuju masyarakat dan negara menjelang kurun ke-21. Seluruh warga pendidikan harus sedar ke mana arah yang hendak dituju. Tony Blair, Perdana Menteri Britain dalam temuramah TV pada 1 Mei 1998 yang baru lalu, sempena dengan ulangtahun kejayaan Parti Buruh memerintah Britain telah menyatakan bahawa kekecewaannya selama setahun menerajui negara itu ialah lambatnya proses pelaksanaan sesuatu dasar yang dikemukakan. Pengaliran dasar ke peringkat akar umbi mengambil masa yang begitu lama dan kadang-kadang sukar difahami. Maksudnya apa saja dasar yang dibuat oleh peringkat atas tidak dapat dilaksanakan dengan segera. Misalnya dasar pendidikan yang mengecilkan jumlah pelajar dalam sesebuah kelas masih tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Ini yang merunsingkan kerajaan.

Masalah yang serupa juga dialami oleh negara kita. Pucuk pimpinan negara

sudah lama bercakap mengenai knowledge society, paradigm shift dan lain-lain tetapi sejauh manakah perkara sedemikian diterapkan sampai ke peringkat akar umbi?

Perkara ini tidak harus dilewatkan lagi. Tindakan segera dan berkesan harus dilakukan, memandangkan bahawa negara memerlukan satu pemulihan segera jangka pendek dan panjang. Kegawatan ekonomi kita kini hanyalah sebagai satu petunjuk untuk kita terus merangkakan satu pemulihan keseluruhan pada negara kita, yakni keutamaan kita adalah untuk pemulihan ekonomi, namun sekiranya langkah sedemikian sahaja yang kita tumpukan, lambat-laun kita akan berhadapan sekali lagi dengan masalah yang serupa dan berkemungkinan lebih teruk lagi.

Kepemimpinan negara telah meletakkan isu pendidikan sebagai agenda besar dan terpenting. Dan bersempena dengan Perhimpunan Umno yang akan diadakan tidak lama lagi, seeloknya pemimpin Umno juga harus melihat isu ini sebagai satu isu yang maha penting. Banyak isu pendidikan yang harus diselesaikan sebelum kita melangkah ke arena yang maha besar dan mencabar. Banyak persoalan yang harus dilihat. Antaranya:

* Apakah perancang pendidikan negara sudah betul-betul faham dengan fenomena dunia menjelang kurun ke-21 yang memungkinkan mereka harus berfikir ke arah itu dan sekali gus harus menyiapkan persiapan terperinci bagaimana harus mereka menangani isu itu sesuai dengan hasrat dan kepemimpinan negara kita.

* Harus ada keserasian di antara beberapa pihak dalam Kementerian Pendidikan seperti perancang pendidikan, pelaksana pendidikan dan pentadbir pendidikan. Sekiranya tidak ada keserasian, persefahaman dan kerjasama di antara ketiga-tiga pihak ini (mungkin lebih daripada tiga) maka usaha negara menuju ke tahap yang hendak dicapai mungkin tidak berjaya.

* Perasaan nasionalisme dan kenegaraan tidak harus diabaikan apatah lagi dalam keadaan dunia menembusi globalisasi ini. Rakyat harus disemaikan perasaan sayangkan bangsa dan negara agar mereka tidak lupa dengan tempat berpijak.

* Persoalan Bahasa Melayu dan agama Islam di IPT tidak harus dipersiapkan kerana ia pasak kepada keutuhan dan kekuatan dalam sesuatu bangsa yang merdeka walaupun dalam kita mengharungi dunia yang global.

Kesimpulannya, walaupun kita telah meletakkan pendidikan dan kecemerlangan pendidikan sebagai agenda terpenting negara, kita masih merasakan bahawa sesuatu yang lebih jauh dan terperinci perlu dilakukan, ekoran daripada kegawatan dunia yang tidak menentu ini. Iltizam yang tinggi harus menjadi sisipan dalam usaha siapa sahaja merangka masa hadapan negara.

(END)